

Lelaki paling ramai bankrap, pinjaman peribadi jadi punca

3,481 individu generasi muda diisytihar muflis bagi tempoh 5 tahun sehingga Januari lalu

Oleh Nuratikah Athilya Hassan
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pinjaman peribadi dikenal pasti punca utama kebangkrutan di negara ini dengan 10,885 kes atau 45.51 peratus bagi tempoh lima tahun sehingga Januari lalu termasuk membatik golongan muda berusia antara 20 hingga 34 tahun.

Jabatan Insolvensi (MdI) mendedahkan seramai 3,481 individu golongan muda itu diisytiharkan bankrap bagi tempoh berkenaan

kerana kegagalan mereka mengurus masalah kewangan masing-masing.

Ketua Pengarahnya, Datuk Ishak Bakri, berkata kumpulan umur 35 hingga 44 tahun pula merekodkan jumlah kebangkrutan tertinggi dengan 9,535 kes atau 39.87 peratus daripada keseluruhan kes.

“Daripada rekod berkenaan, golongan lelaki mencatatkan jumlah kebangkrutan paling tinggi iaitu 17,168 orang atau 71.78 peratus, manakala wanita sebanyak 6,664 orang (27.86 peratus).”

“Muflis atau bankrap ditakrifkan sebagai individu gagal menjelaskan hutang kepada pemiutang yang kemudian mengambil tindakan perintah kebangkrutan di Mahkamah Tinggi.

“Nilai had minimum hutang untuk diambil tindakan kebangkrutan berjumlah RM100,000 dan ke atas yang berkuat kuasa 1 September 2021,” katanya.

Ishak berkata, selain pinjaman peribadi, pinjaman perniagaan

menduduki tangga kedua kes muflis tertinggi iaitu 4,661 kes (19.49 peratus), diikuti pinjaman perumahan 2,151 kes (8.99 peratus) dan sewa beli kenderaan 1,837 kes (7.68 peratus).

Beliau berkata, masalah kebangkrutan tidak hanya membabitkan golongan dewasa, malah turut memberi kesan kepada belia berikutan kemudahan pinjaman peribadi dan skim ‘beli dulu bayar kemudian’ (BNPL) yang lebih mudah diperolehi berbanding pembiayaan bercagar seperti pinjaman perumahan.

BNPL faktor risiko baharu

“BNPL kini dikenal pasti sebagai faktor risiko baharu yang berpotensi menyumbang kepada lebihan komitmen hutang dalam kalangan pengguna,” katanya.

Ishak berkata, kegagalan menjelaskan hutang kepada pemiutang, ditambah dengan kelemahan disiplin pengurusan kewangan dan kejutan ekonomi peribadi seperti kehilangan peker-

“Nilai had minimum hutang untuk diambil tindakan kebangkrutan berjumlah RM100,000 dan ke atas yang berkuat kuasa 1 September 2021”

Ishak Bakri,
Ketua Pengarah
Jabatan Insolvensi

dit boleh mewujudkan kitaran faedah yang tinggi, terutama jika hanya bayaran minimum dibuat setiap bulan sehingga memanjatkan tempoh pembayaran hutang.

“Jika hutang gagal dijelaskan dalam tempoh ditetapkan, faedah akan terus meningkat dan keadaan ini boleh membawa kepada risiko kebangkrutan,” katanya.

jaan atau masalah kesihatan, boleh mendorong seseorang terjerumus ke dalam kebangkrutan.

“Sebagai contoh, pinjaman peribadi dan kad kredit tidak memerlukan cagaran kerana hanya bergantung kepada gaji atau pendapatan peminjam.

“Apabila tidak mampu membeli sesuatu barangan, kad kredit sering dijadikan alternatif.

“Namun penggunaan kad kre-